

Projek 'satu kampung satu produk' dirangka 'lebih teratur

7 AUG 2002

PETALING JAYA 6 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan sedang merangka program yang lebih teratur bagi menjayakan projek 'satu kampung satu produk' di negara ini.

Menurut Perdana Menteri, projek tersebut akan dihidupkan kembali dengan memberi tumpuan baru kepada industri kecil di kampung-kampung yang dikenal pasti.

Walaupun kemaiuan sudah dapat dilihat pada projek yang dijalankan sebelum ini, katanya, ia lebih tertumpu kepada bidang pertanian dan masih kurang kemampuan dalam bidang industri.

"Kerajaan bercadang mengadakan kilang kecil di kampung-kampung dan akan memperkenalkan jenis industri yang sesuai untuk diusahakan.

"Ini bermakna perusahaan itu tidak dibuat di rumah sendiri tetapi di kilang-kilang kecil, diurus oleh orang yang berkecekapan dengan mengikut peraturan tempat kerja," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen Kebangsaan Usahawan Wanita 2002 di Hotel Sunway Lagoon Resort di sini hari ini.

Konvensyen dua hari bertemakan 'Wanita Berwawasan Teras Pembangunan Negara'

itu dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan.

Menurut Perdana Menteri, projek industri di bawah konsep satu kampung satu produk yang dijalankan di rumah-rumah oleh pengusaha kecil-kecilan sebelum ini, kurang berjaya kerana dilakukan mengikut waktu lapang.

"Kita dapati bahawa individu kampung tidak mampu untuk memikir atau bekerja mengikut disiplin kerja.

"Sebab itu adalah lebih baik kita adakan kilang-kilang kecil yang diuruskan oleh orang yang berkebolehan dan penduduk kampung dapat bekerja di situ, mungkin juga memiliki saham di dalamnya," ujar beliau.

Dr. Mahathir percaya industri kecil di kampung-kampung boleh berjaya sekiranya ia dijalankan mengikut disiplin tempat kerja.

"Kalau mereka perlu bekerja lapan jam, mereka bekerja lapan jam. Tak kira, kalau kita boleh atur dia ada kerja lain oada tengah hari, dia boleh kerja sebelah pagi atau malam.

"Tetapi mesti ada peraturan tempat kerja tanpa disiplin sukar berjaya," katanya.

Sehingga kini, menurut Perdana Menteri, beberapa perusahaan telah dikenal pasti malah projek sulaman tuala menggunakan

mesin berkomputer telah diusahakan dan mempunyai pasaran yang besar.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr. Mahathir berkata, amat menyedihkan kerana kebanyakan barangan cenderamata yang dijual di pusat-pusat pelancongan dalam negara tidak dihasilkan oleh rakyat tempatan.

"Saya amat sedih di mana tempat-tempat pelancongan seperti di Pulau Langkawi, barangan cenderamata yang dijual kebanyakannya dibuat di Thailand, Taiwan, China dan Filipina.

"Hendak cari buatan Malaysia, tiada langsung," katanya.

Justeru, beliau berpendapat para pengeluar barangan cenderamata dan kraf tangan tempatan perlu mengubah cara pengeluaran mereka daripada kaedah lama yang bergantung kepada kemahiran individu tertentu kepada penggunaan mesin.

Menurutnya, penggunaan teknologi akan meningkatkan kemampuan pengusaha mengeluarkan barangan dalam jumlah yang besar bagi memenuhi permintaan pasaran.

Dalam hal ini, Perdana Menteri berharap golongan wanita akan memberi sokongan bagi menjayakan projek 'satu kampung satu produk' yang hendak dilaksanakan kerajaan.